



Reading Tree
@Pustaka Raja Tun Uda,
Shah Alam, Selangor

LAPORAN TAHUNAN
2022

(1971 - 2022)

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR



PUSTAKA RAJA TUN UDA



PUSTAKA RAJA TUN UDA

Pustaka Raja Tun Uda berkonsepkan "Perpustakaan Dalam Taman" dan "Taman Dalam Perpustakaan". Lokasinya yang strategik, iaitu bersebelahan Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah merupakan pilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor.

Selain dari memberi perkhidmatan kepada pelajar, penyelidik dan pendidik, perpustakaan ini juga menjadi tempat beriadah seisi keluarga, sahabat-handai bahkan tempat mencari ilham kepada peminat buku dan pencinta seni. Sesuai dengan tagline iaitu "Rumah Keduaku", konsep di rumah dibawa ke perpustakaan di mana pengunjung boleh menikmati suasana yang nyaman, selesa dan harmoni. Inilah keistimewaan dan uniknya Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam

Bangunan setinggi 6 tingkat ini mempunyai keluasan 203,600 kaki per segi. Konsep dalamannya penuh dengan kepelbagaian warna dan variasi serta dilengkapi dengan peralatan moden dan mempunyai reka bentuk kontemporari. Ianya dapat memuatkan 2,500 pengunjung serta 400,000 naskhah buku.

Perpustakaan Dalam Taman

6
tingkat

203,600
kaki per segi

Dapat memuatkan
2,500
pengunjung &
400,000
naskhah buku

LAPORAN TAHUNAN 2022

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR



Rasional Kulit Buku

Imej pada kulit Buku Laporan Tahunan 2022 adalah antara fasiliti yang terdapat di Zon Kreatif, Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam. Ruangan pokok ini sering menjadi tumpuan pengunjung kanak-kanak dan keluarga bersantai bersama.

Ikonik pokok ini juga menjadi simbol bagi misi perkhidmatan pelanggan yang mesra di Pustaka Raja Tun Uda. Persekitaran yang menyenangkan dan menggalakkan interaksi positif daripada ruangan pokok tersebut membawa maksud lebih mendalam bahawa perpustakaan adalah tempat yang menghubungkan orang ramai dengan kegembiraan, kasih sayang dan syukur dalam memberi inspirasi kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera dan harmoni (*library brings happiness*).



LENSA SELANGOR INTERNATIONAL BOOK FAIR 2022 MBSA CONVENTION CENTRE, SHAH ALAM 1-11 DISEMBER 2022



MENARIK DI DALAM

PUSTAKA RAJA TUN UDA	1
PERUTUSAN Pengerusi	4
PERUTUSAN Pengarah	5
LATAR BELAKANG	6
MAKLUMAT JABATAN: VISI, MISI, SLOGAN, TAGLINE	9
AHLI LEMBAGA PENGARAH	10
KUMPULAN PENGURUSAN	12
UNIT KORPORAT	17
UNIT PEMBANGUNAN MANUSIA	18
UNIT KEWANGAN	20
BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAN	22
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOLEKSI & PENDOKUMENTASIAN	30
PERKHIDMATAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN	32
TEKNOLOGI MAKLUMAT	34
PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2022	36
FASILITI PPAS	68
STATISTIK 2022	72
PPAS @ MEDIA	80
HUBUNGI KAMI	86
PENYATA KEWANGAN	92



PERUTUSAN PENGERUSI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Buku Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor untuk tahun 2022 dapat diterbitkan dan disampaikan kepada masyarakat. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan laporan ini serta pihak pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan kemajuan dan kecemerlangan perkhidmatan perpustakaan di negeri ini.

Tahun 2022 menyaksikan banyak perubahan dan penambahbaikan dalam perkhidmatan perpustakaan awam di Selangor. Di sebalik cabaran yang dihadapi akibat pandemik, Perpustakaan Awam Selangor telah

berjaya meneruskan usaha untuk memperkasa budaya membaca dan penyebaran ilmu kepada rakyat Selangor. Ini jelas tercermin dalam pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

Antara pencapaian penting Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi tahun 2022 apabila program tahunan Pesta Buku Selangor dapat diangkat ke peringkat antarabangsa dengan dijenamakan sebagai Selangor International Book Fair (SIBF). Penglibatan penggiat industri buku dan felo antarabangsa menunjukkan sambutan yang baik bagi penganjuran peringkat antarabangsa yang julung kali diadakan. Sudah semestinya program perbukuan yang lebih dekat dengan masyarakat ini dapat memberikan impak yang positif terhadap pembangunan ilmu pengetahuan di kalangan rakyat Selangor.

Sehubungan itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan masyarakat, terutamanya generasi muda untuk terus memanfaatkan kemudahan perpustakaan sebagai satu platform untuk memperkaya pengetahuan dan meningkatkan kemahiran. Perpustakaan Awam Selangor bukan sahaja sebagai tempat rujukan buku, tetapi juga sebagai *one stop centre* yang menyediakan pelbagai peluang untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Bersama-sama kita teruskan usaha untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri yang maju, cemerlang, dan berilmu, dengan menjadikan perpustakaan sebagai sebahagian penting dalam perjalanan tersebut.

Akhir kata, saya berharap laporan tahunan ini akan memberi gambaran yang jelas mengenai perjalanan dan pencapaian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor pada tahun 2022. Semoga usaha yang dilakukan akan terus memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PERUTUSAN PENGARAH

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

DATIN PADUKA MASTURA BINTI HAJI MUHAMAD

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, tahun 2022 merupakan tahun yang mencabar tetapi amat bermakna bagi kita semua. Selepas melalui tempoh getir pandemik COVID-19, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat, insya-Allah.

Sebagai usaha menghidupkan kembali budaya membaca selepas pandemik, Bazar Buku yang dianjurkan oleh PPAS telah menjadi platform untuk masyarakat mendapatkan bahan bacaan berkualiti dengan harga berpatutan.

Sambutan luar biasa membuktikan semangat rakyat Selangor terhadap ilmu kekal utuh walaupun dalam keadaan yang mencabar.

Selain itu, buat pertama kalinya PPAS menganjurkan Car Boot Sale di Parkir Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam. Program yang diadakan pada 21-25 April 2022 ini menyediakan ruang percuma untuk peniaga kecil yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Lengkap dengan kemudahan seperti giant fan, surau, tandas, dan ruang rehat, program ini bukan sahaja menyokong pemulihan ekonomi komuniti tetapi juga memperkukuhkan hubungan masyarakat.

Tahniah saya ucapkan kepada Kumpulan Easy.Go atas kejayaan mereka merangkul johan dalam kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan di Konvensyen KIK Horizon Baharu 2022 dengan tajuk yang dibawa iaitu "BooksFly2U". Pencapaian ini mencerminkan komitmen kita dalam meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan agar kekal relevan.

Antara program lain yang memberi suntikan dan impak besar kepada rakyat Selangor ialah program "Hati dan Minda Sasterawan", bertujuan mengangkat karya sastera tempatan dan sekaligus memperkenalkan semula sasterawan negara. Program ini meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan sastera dan menjadi medan perbincangan antara sasterawan, pengkarya, dan penggiat industri buku dalam pelbagai genre.

PPAS mencipta sejarah dengan penganjuran buat pertama kali **Selangor International Book Fair (SIBF)** di MBSA Convention Center pada 1-11 Disember 2022. Acara ini menjadi platform antarabangsa untuk mengetengahkan karya-karya berkualiti tempatan ke peringkat antarabangsa, dan mengukuhkan kedudukan Selangor sebagai pusat ilmu dan budaya serantau.

Kesemua pencapaian ini adalah hasil usaha gigih pihak Kerajaan Negeri Selangor, warga kerja PPAS, dan sudah tentu sokongan padu rakyat Selangor sendiri. Melalui iltizam dan usaha yang berterusan, insya-Allah kita dapat menjadikan perpustakaan sebagai nadi ilmu bagi komuniti dan juga generasi akan datang.




LATAR BELAKANG

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No. 7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29,2011 (pindaan).

Pada tahun 1971, Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah dibentuk bagi memulakan sebuah Perpustakaan Awam di Negeri Selangor. Langkah pertama ke arah ini ialah dengan pengambilalihan Kelab Buku Kuala Lumpur pada 20 Oktober 1971 untuk dijadikan sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Perpustakaan ini kemudian berpindah ke Shah Alam pada 16 November 1986 dan diberi nama Perpustakaan Raja Tun Uda (RATU). Rekabentuk bangunan perpustakaan Negeri ini adalah bercirikan kebudayaan Bugis, manakala rekabentuk dalaman merupakan



pertembungan budaya Timur dan Barat. Bangunan ini mengandungi enam tingkat dan mempunyai keluasan 102,545 kaki persegi di mana 40,420 kaki persegi adalah ruang bacaan yang dianggarkan dapat menampung seramai lebih 1,000 orang pembaca pada satu-satu masa. Rak-rak pula dapat menempatkan 250,000 naskah buku.

Perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai pada 18 April 1987 dan telah dibuka dengan rasminya pada 15 Mac 1988 oleh AlMarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni AlMarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj. Perpustakaan Raja Tun Uda merupakan sebuah Perpustakaan Negeri yang juga menjadi ibu pejabat bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Ibu pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah berpindah sekali lagi ke bangunan baru bertempat di Seksyen 13. Perpustakaan ini merupakan hadiah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor kepada rakyat Selangor sempena pengisytiharan “Selangor Maju 2005”. Pelancaran tapak perpustakaan ini telah disempurnakan pada 27 Ogos 2005 sebagai mercu tanda Selangor Maju 2005.

Perpustakaan ini telah dibuka pada 22 Julai 2011 yang mempunyai 6 aras secara keseluruhan, berkeluasan 203,600 kaki persegi dan dapat memuatkan seramai 2,500 orang pada satu-satu masa. Perpustakaan Negeri ini berfungsi mentadbir, menyelenggara dan menyelaras perpustakaan-perpustakaan di seluruh Negeri Selangor. Dalam masa yang masa, ia beroperasi sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Sejak ditubuhkan pada tahun 1971, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bergerak seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri Selangor dan hingga kini Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mempunyai 104 pusat perkhidmatan di seluruh Negeri Selangor.



MAKLUMAT JABATAN

LOGO PUSTAKA RAJA TUN UDA

Nama Perpustakaan Raja Tun Uda telah ditukar kepada Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam mulai Ogos 2018. Logo ini adalah atas perkenan pilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor.

Grafik logo ini adalah hasil ciptaan Johan Design Associates (M) Sdn. Bhd.

Penggunaan logo ini hanya untuk Pustaka Raja Tun Uda sahaja.



LOGO PPAS

Rekaan logo adalah imej unik yang berbentuk manusia yang sedang membaca di atas abjad "A". Logo ini terbahagi kepada 4 warna

Simbolik figura yang diletakkan pada huruf "A" mewakili orang awam atau ahli perpustakaan

- ▶ **WARNA JINGGA** melambangkan kreativiti, kejayaan dan galakan
- ▶ **WARNA EMAS** melambangkan persekitaran dunia ilmu
- ▶ **WARNA BIRU FIRUS** melambangkan kebijaksanaan dan kearifan
- ▶ **WARNA PERAK** melambangkan kekuatan dan kekuasaan

VISI

Menjadi pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan spiritual, intelektual dan emosi.

MISI

- ▶ Memperkaya dan memperkasa masyarakat melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah capai dan berkualiti tinggi.
- ▶ Membangunkan prasarana perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.
- ▶ Merealisasikan sebuah pusat pengumpulan koleksi negeri.
- ▶ Membantu Kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

OBJEKTIF

- ▶ Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara perpustakaan awam negeri dan cawangan-cawangan perpustakaan di seluruh negeri.
- ▶ Mengadakan dan menyelenggarakan Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Desa.
- ▶ Mengambil alih mana-mana perpustakaan yang ada di dalam negeri dengan persetujuan pentadbiran perpustakaan tersebut.
- ▶ Mengembangkan dan menggalakkan bacaan khususnya dalam Bahasa Malaysia.

PIAGAM PELANGGAN

1. Memproses permohonan pendaftaran keahlian perpustakaan dalam tempoh satu (1) jam hari bekerja.
2. Memastikan urusan pinjaman bahan perpustakaan diselesaikan dalam tempoh dua (2) minit bagi setiap pelanggan kecuali waktu sesak.
3. Memastikan bahan perpustakaan perolehan terkini tersedia di atas rak untuk rujukan pelanggan Shah Alam dalam tempoh dua (2) minggu.
4. Perkhidmatan rujukan bersedia membantu anda untuk mengesan bahan maklumat tidak lebih daripada satu (1) hari.
5. Memberi maklumbalas kepada aduan yang lengkap kepada pengadu dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.

SLOGAN

**Selangkah ke
Perpustakaan
Sejuta Senyuman,
Sekali Klik Sejuta
Maklumat**

TAGLINE

**PPAS Rumah
Kedua**

*PPAS My Second
Home*



AHLI LEMBAGA PENGARAH

SESI JUN 2021 – MEI 2023



TIMBALAN PENERUSI

**YB Tuan Dr.
Maszlee bin Malik**

*Ahli Parlimen
Simpang Renggam*

PENERUSI

**YAB Dato' Seri
Amiruddin bin Shari**

*Dato' Menteri Besar Selangor
Merangkap Pengerusi PPAS*

SETIAUSAHA

**Datin Paduka
Mastura Hj. Muhamad**

*Pengarah Perbadanan
Perpustakaan Awam Selangor*



KUMPULAN PENGURUSAN

Ketua Bahagian
Perkhidmatan Rangkaian
Perpustakaan

**Encik Zahir
bin Yahaya**

Ketua Bahagian
Pendokumentasian

**Cik Norhafidah
binti Ehawan**

Timbalan Pengarah /
Ketua Bahagian Unit
Pembangunan Koleksi

**Puan Suzliana
binti Abdul Hamid**

Pengarah

**Datin Paduka
Mastura binti
Hj. Muhamad**

Ketua Bahagian
Gerakan Membaca

**Encik Mohamed Fadzli
bin Mohd Fauzi**

Ketua Bahagian
Khidmat Pengurusan

**Encik Norazhan
bin Sahlan**

Ketua Bahagian
Unit Korporat

**Encik Zafrullah
bin Aris**

Ketua Bahagian
Perkhidmatan Pustaka
Raja Tun Uda

**Puan Sabariah
binti Sayuti**

Ketua Bahagian Fasiliti

**Encik Zainuddin
bin Tasiman**

CARTA ORGANISASI

LEMBAGA PENGARAH

PENGARAH

UNIT KORPORAT

UNIT KOMUNIKASI KREATIF

UNIT PENGURUSAN KUALITI



Ketua Bahagian Unit Kualiti
**Encik Norkhairul
Nizam bin M. Sadon**

Pejabat Pengarah
**Puan Juliana Es
binti Mohd Munawir**

Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat dan Pengurusan Ilmu
**Puan Haiziah
binti Abu**

Ketua Bahagian
Pembangunan
Dan Penyelenggaraan
**Puan Norelmin
binti Sapuan**

Ketua Bahagian Unit
Komunikasi Kreatif
**Puan Ziana
binti Sidek**

Arkitek
**Encik Fahrurrazi
bin Md Shukri**

Ketua Bahagian
Unit Kewangan
**Puan Roselin
binti A. Razak**



LAWATAN RASMI DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, SULTAN SELANGOR

16 JANUARI 2022

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah berkenan mengadakan lawatan kerja tidak rasmi ke Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam pada 16 Januari 2022. Lawatan turut disertai oleh YBhg. Dato' Dr. Afifi Al-Akiti, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Raja-Raja Hal Ehwal Islam & Felo Pusat Pengajian Oxford dan YAD Tengku Dato' Setia Ramli Bin Tengku Shahrudin Shah.

Dalam lawatan tersebut Baginda Sultan telah menitahkan Dato' Dr. Afifi Al-Akiti untuk membantu mendapatkan koleksi Dunia Arab dan juga Dunia Islam bermula daripada zaman Rasulullah SAW, para khalifah sehingga zaman keagungan Empayar Islam seperti Uthmaniyah termasuklah biografi tokoh-tokoh berkenaan.



Dari kiri: Pn. Haiziah Abu, Pn. Suzliana Abdul Hamid (Timbalan Pengerah PPAS), Pn. Sabariah Sayuti, YBhg. Datin Paduka Mastura Hj. Muhamad (Pengerah PPAS) dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor semasa lawatan ke aras 4, Bahagian Rujukan.



Datuk Dr. Afifi Al-Akiti dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj semasa sesi lawatan ke Bilik Koleksi Selangor.



Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, YBhg. Datin Paduka Mastura Hj Muhamad dan Datuk Dr. Afifi Al-Akiti semasa sesi lawatan ke Bilik Koleksi Selangor Aras 4.

PERKHIDMATAN PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM

Fokus utama Perkhidmatan Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam adalah menyediakan maklumat terkini dan pantas selaras dengan teknologi digital bagi memastikan interaksi dengan pelanggan dilakukan secara mesra untuk meningkatkan kepuasan pelanggan.



Jumlah hari perkhidmatan dibuka tahun 2022

338 HARI

Penggunaan koleksi DYMM Sultan Selangor

4,504 NASKHAH

478,437 Pengunjung Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam

UNIT KORPORAT

Unit Korporat telah menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2022 dengan pencapaian 3.53 di tahap (Baik) bagi jumlah 390 responden iaitu 82.56%.

Unit Korporat telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada 27 Mac 2022 sempena Program Bazar Buku. Hasil daripada program ini, Unit Korporat mendapati pengguna perpustakaan Raja Tun Uda berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan.

Antara perkhidmatan yang memberi kepuasan kepada pelanggan adalah seperti berikut :

- ▶ Perkhidmatan “buggy” yang memudahkan pengunjung dari tempat parkir ke perpustakaan.
- ▶ Terdapat pelbagai koleksi untuk semua kategori.
- ▶ Suasana dan lokasi perpustakaan yang nyaman dan selesa.
- ▶ Program dan aktiviti yang menarik setiap minggu untuk kanak-kanak.



Sepanjang tahun 2022, **sebanyak 36 maklum balas pelanggan** telah diterima melalui borang maklum balas dan pelbagai saluran lain merangkumi Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam dan Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan. Semua aduan berjaya diberi maklum balas dalam tempoh 14 hari bekerja.

Sejumlah 16 pujian dan penghargaan yang di terima sepanjang tahun 2022 yang menunjukkan maklum balas positif terhadap perkhidmatan yang diberikan.

**Jumlah
lawatan
berkumpulan
2022**

**84
ROMBONGAN**

UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

**JUMLAH
WARGA KERJA
PPAS 2022**

**Tetap
223
ORANG**

**Jumlah
warga kerja
257
ORANG**

Warga kerja PPAS yang terlibat di dalam Bengkel Wanita Cakna Anak yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia

**Kontrak
32
ORANG**

**Pekerja
Sambilan
Harian (PSH)
2
ORANG**

**ANUGERAH
PENCAPAIAN
CEMERLANG SISTEM
PENGURUSAN MAKLUMAT
SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menerima **Anugerah Pencapaian Cemerlang HRMIS 99.95%** bagi tahun 2022



JASAMU DIKENANG (WARGA KERJA YANG BERSARA)



Pn. Munaziah Salim
1/1/2022 (Bersara Pilihan)



En. Azmi Ahmad
1/4/2022 (Bersara Pilihan)




Pn. Sumariah Jalani
1/8/2022 (Bersara Pilihan)



En. Dorairaju A/L Ellapan
8/5/2022 (Bersara Terbitan)



Pn. Mariati Husin
1/8/2022 (Bersara Wajib)



UNIT KEWANGAN

Tahun 2022
Jumlah
peruntukan
keuangan
RM21,735,464

Peruntukan Kewangan Kerajaan Negeri

RM12,042,824

Peruntukan Kewangan Persekutuan

RM9,692,640



**Jumlah
perolehan aset
RM3,872,859.40**

UNIT ASET

**3,689
UNIT**

PROJEK PEMBANGUNAN 2022

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ BAGAN NAKHODA OMAR, SABAK BERNAM

POPULASI: 1,377 ORANG
KELUASAN: 1,500 KPS
TARIKH NAIK TARAF: 14 NOVEMBER 2022
TARIKH SIAP: 2 MEI 2023

Fasiliti yang disediakan

- ◆ Ruang Bacaan
- ◆ Bilik Mesyuarat /Diskusi
- ◆ Bilik Kanak-Kanak
- ◆ Ruang Multimedia
- ◆ Pantri
- ◆ Surau
- ◆ Tandas
- ◆ Wifi Percuma

Cadangan susun atur di dalam lukisan perspektif



SEBELUM



LUKISAN PERSPEKTIF

PERPUSTAKAAN

LIBRARY



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ SEMENYIH, HULU LANGAT

Cadangan susun atur di dalam lukisan perspektif

POPULASI: 99,669 ORANG
KELUASAN: 2,500 KPS
TARIKH NAIK TARAF: 14 NOVEMBER 2022
TARIKH SIAP: 3 APRIL 2023

Fasiliti yang disediakan

- ◆ Ruang Bacaan
- ◆ Bilik Mesyuarat /Diskusi
- ◆ Bilik Kanak-Kanak
- ◆ Ruang Multimedia
- ◆ Pantri
- ◆ Surau
- ◆ Tandas
- ◆ Wifi Percuma



SEBELUM



LUKISAN PERSPEKTIF



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ PELABUHAN KLANG

POPULASI: 205,257 ORANG
KELUASAN: 7,000 KPS
TARIKH NAIK TARAF: 14 NOVEMBER 2022
TARIKH SIAP: 2 MEI 2023

Fasiliti yang disediakan

- ◆ Ruang Bacaan
- ◆ Bilik Mesyuarat /Diskusi
- ◆ Bilik Kanak-Kanak
- ◆ Ruang Multimedia
- ◆ Pantri
- ◆ Surau
- ◆ Tandas
- ◆ Wifi Percuma

Cadangan susun atur di dalam lukisan perspektif



SEBELUM



LUKISAN PERSPEKTIF



PROJEK PEMBANGUNAN 2021

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ BUKIT BERUNTING, RAWANG

Projek ini siap
sepenuhnya pada
21 Januari 2022

POPULASI: 20, 000 ORANG
KELUASAN: 759 KPS
TARIKH NAIK TARAF: 25 OKTOBER 2021
TARIKH SIAP: 20 JANUARI 2022



- ▶ Ruang Bacaan
- ▶ Bilik Seminar
- ▶ Bilik Kanak-Kanak
- ▶ Ruang Multimedia
- ▶ Wifi Percuma



RUANG KANAK-KANAK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ BUKIT BANGKONG, SEPANG

Projek ini siap sepenuhnya pada 15 April 2022

POPULASI: 14,406 ORANG
KELUASAN: 1,760 KPS
TARIKH NAIK TARAF: 25 OKTOBER 2021
TARIKH SIAP: 15 APRIL 2022

SEBELUM
REBRANDING



SELEPAS
REBRANDING

- ▶ Ruang Bacaan
- ▶ Bilik Mesyuarat /Diskusi
- ▶ Bilik Kanak-Kanak
- ▶ Ruang Multimedia
- ▶ Pantri
- ▶ Surau
- ▶ Tandas
- ▶ Wifi Percuma



BILIK PERBINCANGAN



RUANG SANTAI



RUANG KANAK-KANAK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ BUKIT BADONG, BESTARI JAYA

Projek ini siap
sepenuhnya pada
31 Mac 2022

POPULASI: **4,780 ORANG**
KELUASAN: **1,300 KPS**
TARIKH NAIK TARAF: **25 OKTOBER 2021**
TARIKH SIAP: **28 FEBRUARI 2022**

SEBELUM
REBRANDING



SELEPAS
REBRANDING



- ▶ Ruang Bacaan
- ▶ Bilik Mesyuarat /Diskusi
- ▶ Bilik Kanak-Kanak
- ▶ Ruang Multimedia
- ▶ Pantri
- ▶ Surau
- ▶ Tandas
- ▶ Wifi Percuma

PANTRI



RUANG BACAAN



RUANG KANAK-KANAK



**Jumlah
peruntukan
pembangunan
2022
RM10,040,000**

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan oleh UPEN pada tahun 2022 adalah untuk penaiktarafan bangunan perpustakaan daerah, pekan, cawangan, desa, kelengkapan dan koleksi, pembangunan prasarana IT dan perpustakaan bergerak.

**GELONGSOR
PPAS @KUALA LANGAT**

PENYERAHAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @DAERAH HULU SELANGOR, KUALA KUBU BHARU

31 Mac 2022

Berdiri: Ts. Khairul Anuar Bin Mohamad (Jurutera Daerah JKR Hulu Selangor), Ir. Wan Zawawi Bin Zakaria, (Timbalan Pengarah JKR Selangor) dan Pn. Suzliana Abdul Hamid (Timbalan Pengarah PPAS)



Ir. Hj. Lokman bin Hj. Nasir (Pengarah JKR Selangor) dan Datin Paduka Mastura Hj Muhamad (Pengarah PPAS) menandatangani dokumen semasa Majlis Penyerahan Bangunan Perpustakaan Daerah Hulu Selangor



Penyerahan cenderahati sempena Majlis Penyerahan PPAS Daerah Hulu Selangor oleh pengarah JKR Selangor, Tuan IR Haji Lokman kepada pengarah PPAS, Datin Paduka Mastura Hj. Muhamad. Perpustakaan ini juga dikenali dengan nama Perpustakaan Syed Mashor.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOLEKSI & PENDOKUMENTASIAN

Peruntukan
Pembelian Koleksi

RM3,662,056.11

Pembelian Buku

122,352 NASKHAH

Pustaka Raja
Tun Uda

**7,014
NASKHAH**

Perpustakaan
Daerah

**15,829
NASKHAH**

Perpustakaan
Cawangan

**6,469
NASKHAH**

Jumlah bahan
diproses

**107,849
NASKHAH**

Perpustakaan
Pekan

**16,572
NASKHAH**

Perpustakaan
Desa

**59,088
NASKHAH**

Perpustakaan
Bergerak

**2,877
NASKHAH**

PENYUMBANG

**Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin
Idris Shah Alhaj, Sultan Selangor**

**Statistik Kumulatif Koleksi
"Selected & Donated by H. R. H.
Sultan Idris Shah Alhaj"
2011 - 2022**

2,640 NASKHAH

**SELECTED & DONATED
BY H.R.H. SULTAN IDRIS SHAH**

**Jumlah
sumbangan
2022
319
NASKHAH**

PERKHIDMATAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN

*Bilik Perbincangan antara fasiliti
yang disediakan di Perpustakaan
Awam Selangor@ Daerah Gombak.*

**Statistik
Pengunjung
Perkhidmatan
Rangkaian
Perpustakaan**

**560,924
ORANG**

**Statistik
Keahlian
Perkhidmatan
Rangkaian
Perpustakaan**

18,337

**Statistik
Pinjaman
Perkhidmatan
Rangkaian
Perpustakaan**

460,885

PLAYHOUSE



Ruang Kanak-Kanak dilengkapi dengan playhouse dan katil di Perpustakaan Awam Selangor@ Hulu Selangor.



Suasana kafeteria di Perpustakaan Syed Mashor, Perpustakaan Awam Selangor @Hulu Selangor.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

STATISTIK 2022

**PENINGKATAN
DATA ELIB**
840
KEAHLIAN BARU
2,438
PINJAMAN

**STATISTIK
MULTIMEDIA**
23,590
PENGGUNAAN

**STATISTIK
SEPINTAS**
87
PINJAMAN

**STATISTIK
I-STATION**
37,965
PENGGUNAAN

**PENINGKATAN
DATA OVERDRIVE**
233
KEAHLIAN BARU
2,176
PINJAMAN

Bahagian Teknologi Maklumat telah menjalankan aktiviti bagi menggalakkan penggunaan perpustakaan dalam kalangan pengguna terutamanya kanak-kanak. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kemudahan dan sumber digital yang disediakan, serta memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dengan memanfaatkan teknologi dan akses maklumat yang tersedia di perpustakaan.

Antara salah seorang penerima pinjaman desktop dari Gombak untuk kegunaan pembelajaran.



**PINJAMAN
DESKTOP &
LAPTOP 2022**

**87
PINJAMAN**

**JOM PINJAM
DESKTOP & LAPTOP
PERCUMA**

**@ PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR**



**LAPTOP
i5, 128 SSD
Monitor
13.3-14 inci**

**DESKTOP
i5, 128 SSD
Monitor
22-24 inci**

**TEMPOH
PINJAMAN
DILANJUTKAN
6 BULAN**

IMBAS KOD QR
PENDAFTARAN & LOKASI PREMIS



PERTANDINGAN DIKIR BARAT

SEKOLAH MENENGAH (TERBUKA)
DIS 2022 (JAMIS)

PROGRAM SEPANJANG HAYAT
KATEGORI SEKOLAH MENENGAH (TERBUKA)



PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2022

PPAS SIBF
PERTANDINGAN
DIKIR BARAT SIBF
TEMA: PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
JOHAN
KATEGORI SEKOLAH MENENGAH
(TERBUKA)




BAZAR BUKU @ PUSTAKA RAJA TUN UDA

24 - 27 Mac 2022

Statistik Pengunjung

3,918 orang



Yang Berhormat Tuan Mohd Najwan Halimi, ADUN Kota Anggerik merasmikan Bazar Buku @ Pustaka Raja Tun Uda.

Statistik Peserta
Aktiviti Secara Fizikal

1,306 orang

Statistik Peserta
Aktiviti Dalam Talian

9.3K (FB viewer)

KONVENSYEN KUMPULAN INOVASI & KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU 2022 PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA 29 - 31 Mac 2022

Kumpulan Inovatif dan Kreatif Easy.Go PPAS telah berjaya merangkul Johan bagi kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan) pada semasa Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) 2022 Horizon Baru di Hotel Royal Chulan, Seremban yang dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS).



Simulasi semasa pembentangan projek BooksFly2U sempena Konvensyen Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) Horizon Baharu 2022 Perpustakaan Se-Malaysia oleh Pn. Nor Chempawan Mat Abu dan Pn. Nurul Aizan Muner.



Dato' Seri Utama Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan merasmikan Konvensyen Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) Horizon Baharu 2022 Perpustakaan Se-Malaysia dan menyampaikan hadiah kepada Kumpulan KIK PPAS iaitu Easy. Go yang diumumkan Johan bagi ketegori penambahbaikan perkhidmatan.

CAR BOOT SALE

21 - 25 April 2022

Car Boot Sale yang dianjurkan buat pertama kali di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam bertujuan memberi peluang dan ruang untuk kegiatan ekonomi kepada peniaga-peniaga kecil yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menyambut Syawal tahun ini serta sedikit sebanyak memberi kegembiraan kepada mereka.

Car Boot Sale telah dilaksanakan pada 21-25 April 2022 di Kompleks Parkir Bertingkat, Bangunan Parkir A, Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam (Tingkat 4) di dalam Bulan Ramadan, bulan yang memberi keberkatan kepada umat Islam.

Selain itu, PPAS menyediakan kemudahan untuk peniaga iaitu petak jualan secara percuma selama 4 hari, Giant Fan, Surau, Tandus dan Ruang Rehat.



YB Puan Wong Siew Ki (ADUN Belakong), Puan Raja Izzah Jaafar (Ketua Strategi Korporat di Menteri Besar Selangor Pemerbadanan (MBI), YBhg. Datin Paduka Mastura Hj. Muhamad (Pengarah PPAS), Dr. Maszlee Bin Malik (Timbalan Pengerusi PPAS), Tuan Mohd Khair Bin Ngadiron (Ahli Lembaga PPAS), Dato' Ahmad Redza Ahmad Khairuddin (Presiden Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja (MBBY), YB Tuan Ahmad Najwan Halimi (ADUN Kota Anggerik).

Statistik Pengunjung

1,660 orang

Statistik Peserta Aktiviti Secara Fizikal

1,306 orang

Statistik Peserta Aktiviti Dalam Talian

9.3K (FB viewer)



LET'S READ TOGETHER (LRT) FOR 10 MINUTES

**21 April 2022 - Kompleks
Parkir Tingkat 4, Pustaka
Raja Tun Uda, Shah Alam 2**

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah mengadakan Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit/ Let's Read Together For 10 Minutes pada 21 April 2022 bersempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia pada 23 April 2022.

Program ini dijalankan untuk menyuntik semangat membaca dan membantu membentuk tabiat membaca yang berterusan untuk semua peringkat umur.

Mendorong kanak-kanak untuk menjadikan membaca sebagai aktiviti asas yang menyeronokkan dan membantu meningkatkan literasi serta menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai amalan.



Dari kiri: Puan Raja Izzah Jaafar (Ketua Strategi Korporat di Menteri Besar Selangor Perbadanan MBI), YBhg. Datin Paduka Mastura Hj. Muhamad (Pengaruh PPAS), Dr. Maszlee Bin Malik (Timbalan Pengerusi PPAS), Tuan Mohd Khair Bin Ngadiron (Ahli Lembaga PPAS), dan Dato' Ahmad Redza Ahmad Khairuddin (Presiden Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia MBBY).

**Statistik Let's Read
Together for 10 Minutes
seluruh Selangor**

766,738 orang

*Tetamu dan jemputan yang hadir
semasa program Let's Read
Together for 10 Minutes 2022.*



WORLD #QURANHOUR

26 April 2022

Tema World #QuranHour 2022 iaitu Malaysia Bersujud: Keluarga Malaysia Teguh Bersama adalah solusi dari surah Al-Sajdah.

Program ini bertujuan meningkatkan interaksi yang aktif dengan al-Quran melalui pembacaan, penghayatan, dan pelaksanaan nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seharian.



Warga kerja yang menyertai Program World #QuranHour yang bertemakan Surah Al-Sajdah.



Warga kerja sedang menghayati terjemahan ayat Al-Quran.

LAWATAN TUAN YANG TERUTAMA DUTA BESAR JERMAN KE MALAYSIA DR. PETER BLOMEYER

11 Mei 2022



Dari kiri: YB. Dr. Maszlee Malik (Timbalan Pengerusi), Tuan Yang Terutama Dr. Peter Blomeyer, YBhg. Datin Paduka Mastura Muhamad (Pengarah), dan Pn. Suzliana Abd. Hamid (Timbalan Pengarah) semasa berada di rak buku DYMM Sultan Selangor di Tingkat 4, Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam.




Koleksi buku nadir yang terdapat di Bilik Koleksi Selangor menarik perhatian Tuan Yang Terutama Dr. Peter Blomeyer.



YBhg. Datin Paduka Mastura Muhamad (Pengarah) menerangkan koleksi terkini yang terdapat di Bilik Koleksi Selangor kepada Tuan Yang Terutama Dr. Peter Blomeyer.

LAWATAN TUAN YANG TERUTAMA TAKAHASHI KATSUHIKO, DUTA BESAR JEPUN KE MALAYSIA

13 Mei 2022



Tuan Yang Terutama Takahashi begitu tertarik melihat buku "Maps of Malaya and Borneo: Discovery, Statehood and Progress: The Collections of H.R.H. Sultan Sharafuddin Idris Shah and Dato' Richard Curtis" yang dipamerkan di bilik Selangor Info Hub.



YB. Dr. Maszlee Malik (Timbalan Pengerusi) bersama Tuan Yang Terutama Takahashi berada di dalam Smart Selangor Mobile Library (SML).

LAWATAN KERJA KE SINGAPURA

18 - 20 Mei 2022

Lawatan kerja ke Singapura telah diadakan pada 18-20 Mei 2022 ke National Library Board (NLB) of Singapore dan ISEAS-Yusof Ishak Institute, bertujuan membincangkan dan merangka persefahaman berkenaan potensi dan ruang kolaborasi antara kedua-dua pihak dengan PPAS, di samping lawatan penandaarasan ke perpustakaan terbaru NLB.



Delegasi PPAS juga berpeluang berkunjung ke Kedai Buku ISEAS. Dr. Francis Hutchinson (Senior Fellow ISEAS) menunjukkan buku suntingan beliau kepada Pn. Juliana Es.



Berdiri dari kiri: Ms. Benita Lim (Senior Manager, Partnership NLB), Ms. Geraldine Seah (Assistant Director, Partnership Division NLB), Ms. Michelle Lau (Assistant Director, Partnership Division NLB), Ms. Soh Lin Li (Director of Partnership Division NLB), Mr. Ng Cher Pong (CEO NLB), YB Dr. Maszlee Malik (Timbalan Pengerusi PPAS), Juliana Es Mohd Munawir (Pustakawan PPAS), Hikmah Hassan (Penolong Pustakawan PPAS), Fahrurrazi Md. Shukri (Arkitek PPAS).

RERUAI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS) SEMPENA JELAJAH SELANGOR PENYAYANG (JSP)



**DAERAH HULU LANGAT
TAMAN KOSAS, AMPANG
19 Mei 2022**




**DAERAH KUALA
SELANGOR
2 Julai 2022**

RERUAI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS) SEMPENA JELAJAH SELANGOR PENYAYANG (JSP)

YB Hee Loy Sian, EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin SHARI, Dato' Menteri Besar Selangor turut mempromosikan Inisiatif kerajaan Negeri Selangor di bawah PPAS iaitu Pinjaman Desktop & Laptop@ Perpustakaan Awam Selangor (SEPINTAS).



DAERAH SABAK BERNAM
14 - 15 Oktober 2022



DAERAH KLANG
22 - 23 Oktober 2022



DAERAH SEPANG
29 - 30 Oktober 2022

MAJLIS PENYERAHAN BUKU HERBA SELANGOR WARISAN BONDA DEWAN NEGERI SELANGOR

21 Mac 2022



YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor menyampai ucapan semasa Majlis Penyerahan Buku Herba Selangor Warisan Bonda sempena Sidang Dewan Negeri Selangor.

Dari kiri: Dr. Umi Kalthum Ngah (Penulis-Buku Herba Selangor Warisan Bonda), YB Tuan Shari Sungip (ADUN Hulu Kelang), YB Tuan NG Suee Lim (Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor), YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan YBhg. Datin Paduka Mastura Hj Muhamad.

Sidang Media
Press Conference



SELANGOR NEGERI TAMU PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL)

3 - 12 Jun 2022

Penglibatan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sebagai agensi pelaksana di dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 adalah untuk memperkenalkan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor khususnya inisiatif pendidikan Selangor. Selain itu, memberi peluang dan ruang kepada agensi dan anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor untuk mempromosikan produk dan inisiatif terkini kepada masyarakat.

Dato' Ismail Sabri, Perdana Menteri Malaysia melawat Pavilion Selangor Negeri Tamu di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.





Dari kiri: Tuan Mohd Khair Bin Ngadiron (Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia MBKM), En. Eddie Adrianto Ahmad Khodzali (Pengurus Besar Yayasan Selangor), YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri bin Samingon (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor), YBhg. Datin Paduka Mastura Hj Muhamad (Pengarah PPAS), YAB Dato' Seri Amirudin Shari (Dato' Menteri Besar Selangor), Ustaz Mohd Farhan Mohd Nor Affandi (Pengarah Eksekutif Inisiatif Buku Darul Ehsan IBDE), dan Ustaz Al-Mustaqeem Mahmood Radzi (Ketua Editor Inisiatif Buku Darul Ehsan IBDE).




Pavilion Selangor Negeri Tamu dinobatkan sebagai reruai terbaik di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023.



YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor menyantuni peserta Olimpik Malaysia.

PEMUKIMAN SASTERAWAN DAN KARYAWAN

14 - 16 Julai 2022



Program “Hati dan Minda Sasterawan” adalah salah satu inisiatif yang dijalankan semasa Pesta Buku Selangor 2021 yang telah berjaya menghimpunkan 11 orang sasterawan ulung negara bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan pengembangan karya dan secara tidak langsung mengangkat martabat para sasterawan di mata masyarakat.

Penganjuran Pemukiman dan Karyawan ini adalah untuk menghimpunkan para sasterawan, pengkarya dan penggiat industri buku bagi mendapatkan maklum balas kesusasteraan mengikut kecenderungan bidang pendidikan, sejarah, kesenian dan kebudayaan.





YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Ahli Parlimen Port Dickson), Sasterawan Negara Datuk (Dr.) A. Samad Said dan Sasterawan Negara Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh.



Dari kiri: Dr. Maszlee Malik, Sasterawan Negara Anwar Ridhwan, Datuk Rahman Shaari, Dato' Baha Zain, Sasterawan Negara Datuk (Dr.) A. Samad Said, YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YBhg. Datin Paduka Mastura Hj. Muhamad, Profesor Emeritus Dr. Muhamad bin Haji Salleh, Datuk Dr. Siti Zainon Ismail dan Dato' Dr. Zurinah Hassan.



Sesi bergambar bersama tetamu kehormat, Sasterawan Negara, Karyawan, Penulis dan peserta yang terlibat di dalam Program Pemukiman Sasterawan dan Karyawan 2022.

PENGLIBATAN PPAS DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA KE-87 “INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS AND INSTITUTIONS (IFLA): WORLD LIBRARY AND INFORMATION CONGRESS (WLIC)” DI DUBLIN, IRELAND

26 Julai - 29 Julai 2022
Convention Centre Dublin, Ireland

Bilangan Penglibatan

8 ORANG PESERTA

Bilangan Penyertaan

6 SESI POSTER



Delegasi dari Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP).



YBhg. Datin Paduka Mastura Hj Muhamad membentangkan poster Language Discovery @Selangor Public Library kepada Ustaz Hasrizal Abdul Jamil di International Federation of Library Association and Institutions (IFLA).



Encik Zahir Yahaya sedang menerangkan posternya yang berjudul "Book Donation for the Frontliners" kepada peserta lain di IFLA WLIC 2022 Dublin, Ireland.

Beliau bermula sebagai Pembantu Operasi (N1) pada 1 April 1983, kemudian dilantik sebagai Pembantu Perpustakaan S17 untuk perpustakaan bergerak (1992), seterusnya sebagai Penolong Pustakawan S27 (2007) dan terkini sebagai Pustakawan S44. Beliau bakal bersara pada 26 Julai 2024.



Encik Zainuddin Tasiman bergambar di hadapan poster "Selangor Book Fair 2021 Hybrid" di IFLA WLIC 2022 Dublin, Ireland.

Encik Zainuddin bermula sebagai Pembantu Operasi N1 (sementara) pada 13 April 1981 dan tetap pada 13 April 1982, kemudian dilantik sebagai Pembantu Perpustakaan S17 untuk perpustakaan bergerak (1983), seterusnya menjawat jawatan Penolong Pustakawan S27 pada tahun 2003, dan terkini sebagai Pegawai Tadbir N44. Beliau akan bersara pada 10 April 2023.



Dari kiri: Puan Noraina Arifin – poster "Connect and Empower the Library with BooksFly2u", Encik Zahir Yahaya – poster "Book Donation for the Frontliners", YB Dr Maszlee Malik, Timbalan Pengerusi PPAS, dan Puan Saliha Mohamed Said, poster "Backlog Project @ PPAS: Amid the Pandemic Challenge."

INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS AND INSTITUTIONS (IFLA), DUBLIN

BOOK DONATION for the FRONTLINERS
WE RISE TOGETHER SINCE 27 MARCH 2020

HOW LIBRARIES BRING HAPPINESS?

- To create an atmosphere of relaxation through reading
- To help divert their minds and make them happy
- Books as free medicines for everyone
- They care for us, we take care of their family

HOW WE DO IT?

WHERE	WHAT	HOW
10 Hospitals 11 Covid-19 Assessment Centre 2 Government Agencies	Set up a library corner Donate reading materials and educational toys	Storytelling Dancing & singing Indoor Games

1,055 reading materials

I Miss You

SCAN QR CODE TO FEEL THE MOMENT

THE SILENT COURAGE
We are not heroes, we are not saviors, we are LIBRARIANS.

IFLA WJLC 2022 SELANGOR PUBLIC LIBRARY CORPORATION MALAYSIA

www.ppas.gov.my +603 5519 7667

BACKLOG PROJECT
AMID THE PANDEMIC CHALLENGE

1 Handle and overcome the backlog of books during pandemic
2 Started from 18 May until 31 December 2020

2018 - 2019: 104,240 BOOKS
2020: 118,527 BOOKS

3 Utilized working hours by mobilizing all staff including top management
4 Changed existing work flow
5 Skills and knowledge transfer
6 Build strong relationship among the staff

222,767 of 3 years books acquisition processed within 8 months

Library Brings Happiness

IFLA WJLC 2022 SELANGOR PUBLIC LIBRARY CORPORATION MALAYSIA

www.ppas.gov.my +603 5519 7667

CONNECT AND EMPOWER THE LIBRARY WITH BOOKSFLY2U

OUR SPECIALTIES

- We emphasize on **HUMAN TOUCH** concept in assisting users
- Everything is at your fingertips
- Library stays active during lockdown

WHY?
Life during pandemic is challenging and it has taken a toll on everyone. We introduced **BOOKSFLY2U** in June 2020 to brighten up people's life by encouraging continuous reading and learning environment.

INTANGIBLE BENEFITS

- Replicable
- Zero Cost to kick start

Borrow books as EASY as 1, 2, 3

6,422 Borrowed Books since June 2020

1 CALL OR WHATSAPP
Book inquiry
Get user's location

2 RESERVATION
Check book availability at the nearest library
Home-picking, etc
Get user's

3 DELIVERY
Home delivery
Library by mail

SCAN ME TO FEEL THE MOMENT

IFLA WJLC 2022 SELANGOR PUBLIC LIBRARY CORPORATION MALAYSIA

www.ppas.gov.my +603 5519 7667

6 poster yang dipertandingkan di IFLA 2022, Dublin

LANGUAGE DISCOVERY @SELANGOR PUBLIC LIBRARY

THE LEMONADE OF LOCKDOWN LIFE

This 12-week basic **online** language course was introduced at the reasonably **low fee**, both to encourage the addition of a new language proficiency to existing skills and to **allow more to afford it**—especially people from the **low-income bracket**.

WHY WE DO IT

- For people to have more skills so they are more marketable, hence more job or business opportunities.
- During pandemic, many people were affected economically. From this programme, even the language tutors could earn side income.

7 days a week, morning to night

1ST CLASS KICK-OFF 30 JULY, 2021

12 LANGUAGES	304 CLASSES PER WEEK	4,611 PARTICIPANTS
69 TUTORS	49 VOLUNTEERED STAFF	2,979 GRADUATED

MYR10 PARTICIPANT'S FEES / HOUR
MYR100 TUTOR'S FEES / HOUR

Scan QR Code

IFLA WJLC 2022 SELANGOR PUBLIC LIBRARY CORPORATION MALAYSIA

www.ppas.gov.my +603 5519 7667

SELANGOR BOOK FAIR (SIBF) 2021: Connecting Heart & Mind

2021 SELANGOR BOOK FAIR HYBRID
CONNECTING HEARTS AND MINDS 2-12 December 2021

THE DRIVEN POWER
While battling the Covid-19 pandemic, Selangor State Government knew no one should be left behind. People were restless and the economy is going down the drain. Selangor Public Library Corporation makes a brave move by organizing the 1st ever hybrid Selangor Book Fair in 2021. Like a light at the end of the tunnel.

OUR UNIQUENESS

- First time we did Hybrid Book Fair
- Free Entry
- Choose Any Lane
- Mobility Scooter
- Hospitality & SOP Team
- Food & Drink Stalls
- PR Live
- Photo & Smartphone Sessions
- Meeting Selangor International Children's Council, SICC
- Power book authors but not at all time

BRACE FOR IMPACTS

159,533 IN 11 DAYS
MYR 3 MILLION REVENUE RECEIVED
39 STALLS (OVER 1000 COMMERCIAL DISPLAYS)

IFLA WJLC 2022 SELANGOR PUBLIC LIBRARY CORPORATION MALAYSIA

www.ppas.gov.my +603 5519 7667

CREATIVITY IN MOTION @SOUND STUDIO RAJA TUN UDA LIBRARY

Developing an Ecosystem for Creative Learning

LIBRARY + MUSIC + CREATIVITY

BRINGING THE PEOPLE TOGETHER

LIBRARY EMBRACING CREATIVITY

HOW IT ALL BEGAN

2016 Benchmarking visit to one of the libraries in the US, Cuyahoga County Public Library, Cleveland Ohio, USA

2019 Sound Studios @Raja Tun Uda Library and District Library in Cembaka successfully completed.

2021 Set up the production studio and purchase 3 upright pianos.

2022 COORDINATE Basic Piano Lesson only MYR40 per class

Scan Me Experience The Creativity in Motion

IFLA WJLC 2022 SELANGOR PUBLIC LIBRARY CORPORATION MALAYSIA

www.ppas.gov.my +603 5519 7667

LAWATAN KERJA PPAS KE INSTITUT PENDIDIKAN TERKEMUKA DI UNITED KINGDOM SEMPENA PERSIDANGAN ANTARABANGSA KE-87 “INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS AND INSTITUTIONS (IFLA)” 2-3 Ogos 2022

Perbincangan YB Dr. Maszlee Malik, Datin Paduka Mastura Hj Muhamad bersama Dato' Dr Annabel Teh Gallop yang merupakan Ketua Bahagian Asia Tenggara dan Kurator Koleksi Malaysia dan Indonesia, British National Library.

BRITISH NATIONAL LIBRARY

PERPUSTAKAAN BODLEIAN NIZAMI GANJAVI, ORIENTAL INSTITUTE, OXFORD UNIVERSITY

Penyerahan cenderahati kepada Dr. Gillian Evison berupa buku 'My First Year Journey' daripada DYMM Tengku Permaisuri Norashikin dan Buku Warisan Telepuk Alam Melayu terbitan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Sekitar ruang koleksi utama Perpustakaan Nizami Ganjavi di Oriental Institute yang merupakan sebahagian daripada rangkaian Perpustakaan Bodleian (perpustakaan induk) milik Oxford University.

OXFORD CENTRE FOR ISLAMIC STUDIES (OXCIS)

Penyerahan cenderahati daripada PPAS kepada Dato' Dr Afifi Al-Akiti, Kuwait Fellow in Islamic Studies di Oxford Centre for Islamic Studies (OXCIS).

MAJLIS PELANCARAN BUKU-BUKU TERBITAN PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT) OLEH DULI YANG MAHA MULIA TENGGU PERMAISURI SELANGOR

8 Ogos 2022



